

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2006
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:
MITC ANCASA
AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :
25 JANUARI 2006**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

WAKIL-WAKIL MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR,

DAN SEMUA STAF KUTKM YANG DIHORMATI
SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA
MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE
HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN DAN
KURNIANYA KITA DAPAT SAMA-SAMA BERKUMPUL
PADA PETANG INI UNTUK MENDENGAR
PERUTUSAN TAHUNAN REKTOR BAGI TAHUN 2006.
MAJLIS SEUMPAMA INI YANG DAHULUNYA
DIPANGGIL MAJLIS AMANAT REKTOR TELAH
DIMULAKAN PADA TAHUN 2004 DAN DIADAKAN
SETIAP TAHUN.

Pengenalan

SEBAGAIMANA KITA SEDIA MAKLUM, KUTKM TELAH
MENCAPAI USIA 5 TAHUN DAN SEKARANG BERADA

DALAM TAHUN KE ENAM BEROPERASI. PADA PENDAPAT SAYA UNIVERSITI INI TELAH DILETAKKAN DI ATAS LANDASAN YANG TERBAIK UNTUK MENERUSKAN LANGKAH MAJU KE HADAPAN. PERJALANAN KITA KE ARAH MENCAPAI VISI YANG TELAH DITETAPKAN MASIH JAUH. INI MEMERLUKAN KITA MEMBUAT PERANCANGAN RAPI DAN MELAKSANAKANNYA DENGAN BERKESAN SUPAYA TIDAK TERPESONG DARI HALATUJU YANG DILAKAR.

KUTKM TELAH PUN MEMPUNYAI PELAN STRATEGIK UNTUK TEMPOH TAHUN 2004 – 2015. DALAM TEMPOH YANG AGAK PANJANG ITU, BANYAK PERUBAHAN BOLEH BERLAKU YANG MEMERLUKAN KITA MENGUBAH SUAI PELAN STRATEGIK ATAU PUN SASARAN YANG DITETAPKAN. SECARA KEBETULAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MEMINTA SEMUA IPTA MENYEDIAKAN PELAN STRATEGIK MASING-MASING KHUSUS UNTUK

TEMPOH TAHUN 2006 – 2010. SEHUBUNGAN ITU, KITA MEMUTUSKAN UNTUK MENYEDIAKAN PELAN STRATEGIK YANG DIKEHENDAKI DENGAN MERUJUK KEPADA PELAN STRATEGIK YANG TELAH KITA GUBAL BAGI TEMPOH 2004 – 2015 DAN MENGAMBIL KIRA PERKEMBANGAN SEMASA SERTA UNJURAN AKAN DATANG BERDASARKAN MAKLUMAT TERKINI YANG KITA DAPATI.

PELAN STRATEGIK BERKENAAN TELAH PUN DIBINCANG DALAM BENGKEL YANG DIADAKAN PADA 5 – 7 DISEMBER 2005 DI PORT DICKSON DAN PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI DIBERI TANGGUNGJAWAB MENGHASILKAN DOKUMEN AKHIR PELAN TERSEBUT. PELAN STRATEGIK YANG BARU INI AKAN MENGGANTI PELAN STRATEGIK YANG LAMA UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI SATU PANDUAN DALAM MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN TAHUNAN BAGI SETIAP PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ). INI BAGI

MEMASTIKAN SEGALA MATLAMAT YANG TELAH DITETAPKAN BERSAMA TERCAPAI.

PADA TAHUN 2006 INI, KUTKM AKAN MEMBINA KEKUATAN DI ATAS PELBAGAI KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI DI SAMPING MENEMPA KEMAJUAN BARU. BAGAIMANAPUN KITA BERHADAPAN DENGAN MASALAH KEKANGAN BAJET EKORAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN TERHAD YANG MESTI DIKONGSI BERSAMA OLEH SEMUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG BILANGANNYA PULA BERTAMBAH. DARI ITU KITA MESTILAH BIJAK MEMBELANJAKAN PERUNTUKAN YANG DITERIMA DENGAN BERHEMAH DAN MENGELAKKAN PEMBAZIRAN. UNTUK TUJUAN ITU, SEGALA SUMBER UNIVERSITI MESTILAH DIGUNA SUPAYA MENGHASILKAN FAEDAH OPTIMUM.

ADALAH DIJANGKAKAN PERUNTUKAN BAJET TERHAD AKAN TERUS DIHADAPI PADA TAHUN-

TAHUN AKAN DATANG. KEADAAN INI MEMERLUKAN UNIVERSITI MENJANA PENDAPATAN SENDIRI UNTUK MENAMPUNG SEBAHAGIAN DARIPADA PERBELANJAAN PENGURUSAN. PADA TAHUN INI SUDAH SAMPAILAH MASANYA BAGI KITA MEMBUAT PERANCANGAN UNTUK MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI YANG BOLEH MENGHASILKAN PENDAPATAN.

PEMBANGUNAN KAMPUS

KAMPUS INDUK

PEMBANGUNAN FASA 1 DAN 2A TELAH SIAP MERANGKUMI :

- KERJA TANAH DAN BERKAITAN
- INFRASTRUKTUR
- BANGUNAN FKEKK
- BANGUNAN FKE
- KAFETERIA PELAJAR

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) TELAH PUN BERPINDAH KE KAMPUS INDUK PADA 22 NOVEMBER 2004. INI DIKUTI OLEH FKE PADA AWAL TAHUN 2005.

DENGAN ADANYA PELAJAR DUA FAKULTI TERSEBUT SERAMAI 1726 ORANG, UNIVERSITI TELAH MENYEDIAKAN KAFETERIA, PERPUSTAKAAN DAN SISTEM RANGKAIAN KOMPUTER YANG BERSESUAIAN. UNIVERSITI JUGA TELAH MENUBUHKAN PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR (ONE-STOP CENTRE) UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN KAUNTER KEPADA PELAJAR MERANGKUMI SEMUA URUSAN. SEMUA PIHAK YANG BERKAITAN SECARA LANGSUNG DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA PELAJAR TERMASUKLAH PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR (HEP), BENDAHARI, BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK DAN PEJABAT PEMBANGUNAN

MESTILAH BEKERJASAMA MEMASTIKAN PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR BEROPERASI SEPENUHNYA UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA PELAJAR DI KAMPUS INDUK.

PEMBANGUNAN SETERUSNYA, IAITU FASA 2B TELAH PUN BERMULA PADA TAHUN 2005 DAN AKAN DITERUSKAN PADA TAHUN 2006 MERANGKUMI :

- BANGUNAN PERKHIDMATAN UTAMA
- STADIUM SUKAN
- GELANGGANG DAN PADANG PERMAINAN

JALAN UTAMA DARI TOL PLAZA AYER KEROH MASUK KE KAMPUS INDUK KUTKM DIJADUALKAN SIAP PADA AKHIR TAHUN 2006.

BAKI PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK AKAN DIBINA MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DI BAWAH

RANCANGAN MALAYSIA KE – 9. UNIVERSITI TELAH MEMBUAT PERMOHONAN SEBANYAK LEBIH RM560 JUTA YANG TERMASUK PERUNTUKAN UNTUK PERALATAN. PROJEK BARU YANG DIRANCANG AKAN DIBAWA KE HADAPAN IAITU DI BAWAH RMK 10.

MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI DI KAMPUS INDUK ADALAH KETIADAAN ASRAMA PELAJAR DALAM KAMPUS. BUAT MASA INI PELAJAR BERKENAAN TINGGAL DI BEBERAPA ASRAMA DAN KAWASAN PERUMAHAN DI LUAR KAMPUS DAN INI AGAK MENYULITKAN PERGERAKAN PELAJAR KHUSUSNYA BAGI MEREKA YANG TIADA KENDERAAN SENDIRI, WALAUPUN PERKHIDMATAN BAS ADA DISEDIAKAN.

PIHAK KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN PEMBANGUNAN ASRAMA PENGINAPAN PELAJAR AKAN DIBANGUNKAN MELALUI KONSEP “BUILT-

LEASE-MAINTAIN-TRANSFER’ (BLmT) MELIBATKAN SYARIKAT DEWASA. DUA SYARIKAT TELAH MENDAPAT TAWARAN UNTUK MEMBANGUNKAN ASRAMA UNTUK 2000 DAN 2500 ORANG PELAJAR. OLEH KERANA KEPERLUAN ASRAMA AMAT MENDESAK, PEJABAT PEMBANGUNAN DIMINTA MENENTUKAN PEMBINAAN ASRAMA BERMULA DENGAN SEGERA PADA TAHUN INI SUPAYA BOLEH SIAP SELEWAT-LEWATNYA PADA AWAL TAHUN 2007. SETERUSNYA, PEMBINAAN ASRAMA UNTUK MENAMPUNG PERTAMBAHAN PELAJAR MENJELANG TAHUN 2010 JUGA PERLU DIRANCANG SEKARANG SUPAYA SIAP PADA MASA DIKEHENDAKI.

KAMPUS BANDAR

KUTKM TELAH LAMA MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI UNTUK MEMILIKI KAMPUS BANDAR IAITU BANGUNAN KOMPLEKS YAYASAN MELAKA DI JALAN

HANG TUAH. BAGAIMANA PUN, SEHINGGA KINI KITA MASIH MENUNGGU MESYUARAT RUNDINGAN HARGA ANTARA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI SERTA KUTKM DAN YAYASAN MELAKA YANG DIJANGKA AKAN DIADAKAN DALAM MASA TERDEKAT.

MENGIKUT PERANCANGAN YANG TELAH DIBUAT JIKA PERSETUJUAN DICAPAI, KAMPUS BANDAR AKAN MENEMPATKAN INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK) DAN PTJ LAIN YANG SESUAI IAITU PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI, PENERBIT UNIVERSITI, PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, DAN PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI.

SELARAS DENGAN SARANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, UNIVERSITI AKAN MENUBUHKAN PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PPSH) (LIFE LONG LEARNING CENTRE)

PADA TAHUN 2006. PEJABAT PUSAT INI JUGA AKAN BEROPERASI DI KAMPUS BANDAR.

KAMPUS INDUSTRI

SEBAHAGIAN BESAR UNIVERSITI BEROPERASI DI KAMPUS INDUSTRI, IAITU BANGUNAN YANG DISEWA DI CUBIC ELECTRONICS SDN. BHD. (CESB). KEADAAN DI SINI JAUH LEBIH BAIK DIBANDINGKAN DENGAN KAWASAN SEMENTARA LAMA DAN TELAH DAPAT MENYELESAIKAN BANYAK MASALAH. KITA TELAH MELETAKKAN BAHAGIAN UNIVERSITI YANG TIDAK DAPAT PINDAH KE KAMPUS INDUK DI DALAM SATU KAWASAN YANG SELESA DAN SELAMAT TETAPI TIDAK MELIBATKAN KADAR SEWA YANG LEBIH TINGGI DIBANDINGKAN DENGAN TEMPAT LAMA. KAMPUS INDUSTRI JUGA MEMPUNYAI CUKUP RUANG DALAM SATU KAWASAN UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN TAMBAHAN RUANG DISEBABKAN PERKEMBANGAN UNIVERSITI DENGAN PENINGKATAN BILIK KULIAH, RUANG

PEJABAT, MAKMAL, BILIK PENSYARAH SERTA MENAMPUNG BILANGAN PELAJAR YANG MENINGKAT SETIAP TAHUN SEHINGGALAH KAMPUS INDUK SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2008.

SAYA INGIN MENEKANKAN BAHAWA PENGSTRUKTURAN SEMULA KAMPUS SEMENTARA KEPADA KAMPUS INDUSTRI DI KAWASAN SEKARANG DIBUAT UNTUK KEPENTINGAN DAN FAEDAH KEPADA UNIVERSITI SERTA PELAJAR.

UNIVERSITI TELAH MENUBUHKAN PUSAT PEMBUATAN TERMAJU (ADVANCED MANUFACTURING CENTRE – AMC) YANG AKAN MULA BEROPERASI PADA TAHUN INI. AMC DIRANCANG UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PEMBUATAN KOMPONEN DAN PRODUK, DAN DALAM MASA YANG SAMA BOLEH MEMBERI KEMUDAHAN LATIHAN INDUSTRI. PEMBANGUNAN

PUSAT TERSEBUT DIBUAT SECARA BERPERINGKAT DAN DIJANGKA AKAN MENYUMBANG KEPADA PENDAPATAN YANG DIJANA SENDIRI OLEH UNIVERSITI.

SEMUA PEJABAT DI KAMPUS INDUSTRI, KECUALI AMC, AKAN BERPINDAH KE KAMPUS INDUK APABILA SIAP SEPENUHNYA. AMC DIRANCANG KEKAL DI KAMPUS INDUSTRI. SELAIN DARI AMC, KAMPUS INDUSTRI JUGA AKAN MENEMPATKAN PUSAT REKABENTUK KEJURUTERAAN DAN JUGA PUSAT LATIHAN INDUSTRI YANG AKAN MEMBERI KEMUDAHAN LATIHAN INDUSTRI BUKAN SAHAJA KEPADA KUTKM TETAPI BOLEH JUGA DITAWARKAN KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN LAIN.

PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIVERSITY INDUSTRY CENTRE – UNIC) DIBERI TANGGUNGJAWAB MEMBUAT PERANCANGAN JANGKA PANJANG KAMPUS INDUSTRI YANG

MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN SOKONGAN KEPADA PROGRAM DAN AKTIVITI KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

UNIVERSITI AKAN TERUS MEMBERI PENEKANAN KEPADA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MEMANDANGKAN MODAL INSAN MERUPAKAN ASET PALING UTAMA SESEBUAH ORGANISASI. TANPA PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG BAIK, TENTULAH SUKAR BAGI ORGANISASI MENCAPAI SEBARANG KEJAYAAN, JAUH SEKALI DARI MENEMPA KECEMERLANGAN. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MERANGKUMI KESELURUHAN STAF IAITU AKADEMIK DAN SOKONGAN DAN SKOPNYA MELIPUTI KELAYAKAN AKADEMIK, PENGETAHUAN SERTA KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS DENGAN BAIK DAN BERKESAN. PEJABAT PENDAFTAR DIMINTA MELAKUKAN ANALISIS

KEPERLUAN LATIHAN UNTUK DIJADIKAN PANDUAN DALAM MENYEDIAKAN PROGRAM LATIHAN YANG BERKESAN.

KELAYAKAN AKADEMIK

SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, KUTKM WAJAR MEMBERI TUMPUAN KEPADA KECEMERLANGAN STAF AKADEMIK KERANA IA AKAN MENYUMBANG KEPADA KUALITI DAN IMEJ UNIVERSITI.

DALAM PELAN STRATEGIK KUTKM, UNIVERSITI TELAH MELETAK SASARAN AKAN MEMPUNYAI 50% STAF AKADEMIK MEMILIKI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH MENJELANG TAHUN 2010. WALAUPUN SASARAN INI DI BAWAH APA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BAGI SEMUA IPTA, IA DIKIRA REALISTIK BAGI KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI BARU.

PROGRAM CUTI BELAJAR MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA STAF AKADEMIK MELANJUTKAN PELAJARAN UNTUK MENDAPAT IJAZAH TINGGI IAITU SARJANA DAN KEDOKTORAN. TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN) AKAN MENYELARASKAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM CUTI BELAJAR SUPAYA MENCAPAI SASARAN YANG DITETAPKAN. TENAGA PENGAJAR BERKELAYAKAN DIKEHENDAKI UNTUK 10,000 ORANG PELAJAR IAITU ENROLMEN YANG DIUNJUR PADA TAHUN 2010.

WALAU BAGAIMANAPUN, DALAM KEGHAIRAHAN UNTUK MENGEJAR SASARAN INI, SOAL KUALITI TIDAK HARUS DIABAIKAN. OLEH ITU, STAF AKADEMIK HANYA DIBENARKAN MEMILIH INSTITUSI TERNAMA DAN BERKUALITI TINGGI SAHAJA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN.

PADA MASA YANG SAMA, TUMPUAN JUGA HARUS BERALIH DARI UNITED KINGDOM KEPADA NEGARA LAIN SEPERTI JERMAN, AUSTRALIA, USA, JEPUN, KOREA DAN SEBAGAINYA. KEPELBAGAIAN UNIVERSITI DARI MANA STAF MENDAPAT KELAYAKAN AKADEMIK AKAN MEMPERKAYAKAN DAN MENINGKATKAN PROFAIL UNIVERSITI. BERHUBUNG DENGAN ITU, OLEH KERANA TERLALU RAMAI STAF MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNITED KINGDOM, PADA TAHUN INI KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PERMOHONAN CUTI BELAJAR KE NAGARA-NEGARA LAIN SEPERTI YANG TELAH DISEBUTKAN.

BAGAIMANA PUN, PROGRAM CUTI BELAJAR STAF PERLU DISESUAIKAN DENGAN BAJET YANG DIPERUNTUKKAN. STAF AKADEMIK YANG AKAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT SARJANA UMPAMANYA BOLEH DIBANYAKKAN DENGAN MENGHANTAR MEREKA BELAJAR DALAM

NEGARA KERANA KOS YANG DIBELANJAKAN LEBIH RENDAH DIBANDINGKAN DENGAN KOS BELAJAR DI LUAR NEGARA.

SATU LAGI USAHA YANG PATUT DIPERTINGKATKAN IALAH 'SPLIT PhD PROGRAMME' DENGAN UNIVERSITI LAIN. INI BUKAN SAHAJA BOLEH MENJIMATKAN KOS DALAM USAHA MENAMBAH BILANGAN STAF MENDAPAT IJAZAH PhD TETAPI JUGA BOLEH MENINGKATKAN AKTIVITI DAN KEMUDAHAN MEMBUAT PENYELIDIKAN DI KUTKM. BERHUBUNG DENGAN INI, SEMUA UNIVERSITI YANG TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN KITA TELAH MENYATAKAN PERSETUJUAN UNTUK MELAKSANAKAN "SPLIT PhD PROGRAMME". SEBAGAI SASARAN PADA TAHUN INI SETIAP FAKULTI DIMINTA MENCADANGKAN SATU PROJEK PENYELIDIKAN YANG BOLEH DILAKSANAKAN DI BAWAH "SPLIT PhD PROGRAMME".

KUTKM AKAN MENGENDALIKAN PROGRAM SARJANA DALAM BIDANG ENGINEERING BUSINESS MANAGEMENT DAN MANUFACTURING ENGINEERING DENGAN KERJASAMA COVENTRY UNIVERSITY. PROGRAM INI AKAN BERMULA PADA BULAN MAC 2006 DENGAN KERJA KURSUS DIJALANKAN SEPENUHNYA DI COVENTRY UNIVERSITY MANAKALA PROJEK AKAN DIBUAT DI KUTKM. TAWARAN DIBUKA KEPADA STAF AKADEMIK DARI KALANGAN TUTOR DAN JURUTERA PENGAJAR YANG BERMINAT UNTUK MENGIKUTI PROGRAM TERSEBUT.

DISARANKAN JUGA STAF KUTKM YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN MEMOHON BIASISWA YANG DITAWARKAN OLEH PELBAGAI PIHAK PENAJA SELAIN UNIVERSITI INI SENDIRI DAN JPA. UNIVERSITI AKAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA CALON CUTI BELAJAR YANG BERJAYA MENDAPAT BIASISWA TAJAAN PIHAK LUAR.

PELBAGAI USAHA AKAN DILAKSANAKAN UNTUK MENENTUKAN STAF AKADEMIK MEMILIKI IJAZAH TINGGI MENGIKUT SASARAN YANG DITETAPKAN. INI TERMASUK JUGA PENGAMBILAN TERUS DARI DALAM NEGARA DAN JUGA PENSYARAH KONTRAK LUAR NEGARA IAITU DARI INDONESIA, PAKISTAN DAN TURKI BAGI TAHUN 2006.

PENGALAMAN INDUSTRI DAN PROFESION

KUTKM MENGGUNA PAKAI KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN. UNTUK MENJAYAKAN KAEDAH TERSEBUT, TENAGA PENGAJAR KUTKM JUGA DIKEHENDAKI MEMPUNYAI PENGALAMAN BEKERJA DI INDUSTRI ATAU MENDAPAT PENDEDAHAN PENGALAMAN DALAM PROFESION.

UNTUK MENCAPAI TUJUAN TERSEBUT, UNIVERSITI TELAH MEWUJUDKAN SKIM SANGKUT INDUSTRI

(INDUSTRIAL ATTACHMENT SCHEME) YANG MEMBOLEHKAN STAF AKADEMIK BEKERJA DENGAN INDUSTRI UNTUK TEMPOH 3 BULAN HINGGA 2 TAHUN. SETAKAT INI BELUM ADA STAF AKADEMIK YANG MENGAMBIL KESEMPATAN SKIM TERSEBUT. FAKULTI/PUSAT DIMINTA MULA MENGHANTAR STAF UNTUK SANGKUT INDUSTRI PADA TAHUN 2006. SEBAGAI SATU USAHA YANG LEBIH AGRESIF, ADALAH DISARANKAN STAF JUGA MEMBUAT SANGKUT INDUSTRI SECARA TETAP ATAU JANGKA PANJANG IAITU SEBAGAI ASSOCIATE, PAKAR RUNDING, ATAU PAKAR RUJUK, MAHU PUN TERLIBAT DALAM PENGURUSAN ATAU PELAKSANAAN PROJEK KHAS. INI BOLEH DILAKUKAN BERMULA DENGAN INDUSTRI DI MANA KITA MEMPUNYAI MoU SEPERTI DRB-HICOM, CTRM, CUBIC ELECTRONICS DAN SEBAGAINYA.

SKIM SANGKUT INDUSTRI MEMPUNYAI TUJUAN MEMBOLEHKAN STAF AKADEMIK MENDAPAT

KELAYAKAN PROFESIONAL DALAM BIDANG MASING-MASING. MENGIKUT PELAN STRATEGIK, KITA MELETAK SASARAN 50% STAF KEJURUTERAAN MEMILIKI STATUS JURUTERA PROFESIONAL DALAM MASA 10 TAHUN BERKHIDMAT DENGAN UNIVERSITI.

KEMAHIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

STAF AKADEMIK SEBAGAI TENAGA PENGAJAR PERLU DILENGKAPKAN DENGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN. PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PPP) BERTANGGUNGJAWAB MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA KAEDAH BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN. STAF YANG TELAH MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN DENGAN JAYA AKAN DIANUGERAHKAN SIJIL KOMPETENSI. SEBAGAI BUKTI UNIVERSITI MENGAMBIL BERAT TERHADAP KUALITI TENAGA

PENGAJAR, PRESTASI DALAM PENGAJARAN MERUPAKAN SALAH SATU KRITERIA PENTING YANG DIPERTIMBANGKAN DALAM KENAIKAN PANGKAT.

UNIVERSITI MENCADANGKAN KURSUS LATIHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENAMBAH SATU KOMPONEN YANG SEMAKIN PENTING IAITU KAEDAH E-PEMBELAJARAN. INI AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN KEMAHIRAN STAF DALAM MENYEDIAKAN MODUL E-PEMBELAJARAN SEBAGAI SOKONGAN KEPADA KULIAH LAZIM. PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI INI PERLU DILIPAT GANDAKAN MULAI TAHUN 2006.

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

SEIRING JUGA DENGAN HASRAT MENINGKATKAN KUALITI STAF AKADEMIK, TUMPUAN JUGA HARUS DIBERIKAN KEPADA USAHA MEMANTAPKAN

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN MEREKA. BAHASA GLOBAL INI WAJIB DIKUASAI TERUTAMA KE ARAH MENYOKONG PROGRAM PENGANTARABANGSAAN YANG SEMAKIN DIBERI PENEKANAN DAN JUGA KERANA VISI KITA ADALAH UNTUK MENJADI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL TERKEMUKA DI DUNIA. JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI DI BAWAH PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK DIBERI TUGAS MERANGKA DAN MELAKSANAKAN PROGRAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN STAF.

PENGUASAAN BAHASA LAIN

WALAUPUN TIDAK DIWAJIBKAN, DALAM ERA GLOBALISASI KITA AKAN MEMILIKI NILAI TAMBAH JIKA DAPAT MENGUASAI BEBERAPA BAHASA UTAMA DUNIA SEPERTI BAHASA ARAB, JERMAN, JEPUN, MANDARIN, PERANCIS DAN SEPANYOL. JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI DIMINTA

MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN KELAS MENGAJAR BAHASA-BAHASA TERSEBUT.

KEMAHIRAN PELBAGAI

SEMUA STAF AKADEMIK MESTI MEMPUNYAI KEMAHIRAN ICT. INI BERMAKNA ADALAH WAJIB BAGI MEREKA MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MENGGUNA PERISIAN ASAS KOMPUTER UNTUK MEMBANTU MEREKA DALAM TUGAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN. STAF AKADEMIK JUGA PERLU MAHIR DALAM PENGGUNAAN PERISIAN APLIKASI KEJURUTERAAN BUKAN SAHAJA UNTUK TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TETAPI JUGA BAGI MEMBUAT KAJIAN, PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN. SETIAP FAKULTI/PUSAT DIMINTA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKARA INI DAN MENGAMBIL TINDAKAN WAJAR BAGI MEMASTIKAN STAF MEREKA TIDAK KETINGGALAN DALAM KEMAJUAN ICT.

KEMAHIRAN LAIN YANG AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN DIRI STAF AKADEMIK DALAM MENJALANKAN TUGAS TERMASUKLAH KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN MOTIVASI SERTA PENTADBIRAN. KEMAHIRAN TERSEBUT PERLU DIBINA MELALUI PROGRAM LATIHAN BERTERUSAN DAN PENDEDAHAN TUGAS YANG DILAKSANAKAN.

STAF SOKONGAN

WALAUPUN TUMPUAN UTAMA DIBERIKAN KEPADA STAF AKADEMIK INI TIDAK BERMAKNA PERANAN STAF SOKONGAN TIDAK PENTING DAN DIKETEPIKAN. IA JUGA TURUT DIBERI PERHATIAN KERANA TANPA PERANAN BERKESAN STAF SOKONGAN UNIVERSITI TIDAK AKAN BOLEH BERGERAK DENGAN BAIK DAN LANCAR UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN.

DALAM HAL INI, PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI STAF SOKONGAN PERLU DIRANCANG DENGAN BAIK BERDASARKAN POLISI YANG SESUAI. SEBAGAI CONTOH, STAF SOKONGAN JUGA BOLEH DIBERI PELUANG MENGIKUTI PROGRAM CUTI BELAJAR UNTUK MENDAPAT IJAZAH TINGGI DI MANA ADA KEPERLUAN. BAGAIMANA PUN KEUTAMAAN MESTILAH DIBERI KEPADA STAF AKADEMIK.

STAF SOKONGAN DIBERI PELUANG DAN KEMUDAHAN UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG RELEVAN SEPERTI BAHASA, KOMUNIKASI, PENGURUSAN DAN ICT.

KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS PERLU DITEKANKAN KERANA MENGHARUNGI DUNIA ERA GLOBALISASI PADA KETIKA INI, MEMERLUKAN KITA BERURUSAN DENGAN PIHAK LAIN DI PERINGKAT

ANTARABANGSA. INI DITAMBAH PULA DENGAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN YANG SEMESTINYA MEMERLUKAN KOMPETENSI DALAM KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA HENDAKLAH MEMBUAT KAJIAN BAGI MENGENALPASTI PELBAGAI LATIHAN YANG DIPERLUKAN DAN SETERUSNYA MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN YANG SESUAI UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI KERJA STAF.

PEMBANGUNAN AKADEMIK

AKTIVITI AKADEMIK

SALAH SATU PERANAN UTAMA UNIVERSITI ADALAH UNTUK MENYEMARAKKAN LAGI BUDAYA KEILMUAN DAN INTELEKTUAL DI DALAM KAMPUS. DARI ITU KITA MESTI PERTINGKATKAN AKTIVITI AKADEMIK SEPERTI PERSIDANGAN, KONVENSYEN, KOLOKIUM,

SEMINAR, BENGKEL DAN FORUM. SETIAP TAHUN KITA SEPATUTNYA MENGANJURKAN SATU ATAU DUA PERSIDANGAN ANTARABANGSA DAN BEBERAPA SEMINAR PERINGKAT KEBANGSAAN. DI SAMPING ITU, SETIAP FAKULTI/PUSAT DIMINTA MENGADAKAN SIRI SEMINAR BULANAN UNTUK MENGGALAKKAN STAF MASING-MASING MENULIS DAN MEMBENTANG KERTAS KERJA ILMIAH TERMASUK HASIL PENYELIDIKAN DAN KAJIAN YANG DIBUAT.

OLEH KERANA PENGANJURAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMERLUKAN PERANCANGAN DAN PERSEDIAAN YANG RAPI DAN JANGKA MASA YANG PANJANG, PERSIDANGAN YANG AKAN DIADAKAN PADA TAHUN INI SEPATUTNYA TELAH DIRANCANG PADA TAHUN LEPAS. DALAM LAIN PERKATAAN, KITA PERLU MERANCANG SATU TAHUN KE HADAPAN KALAU HENDAK MENGANJUR PERSIDANGAN ANTARABANGSA. SAYA INGIN

MELIHAT FAKULTI/PUSAT MENGAMBIL INISIATIF DALAM PENGANJURAN PERSIDANGAN SAMADA DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA KERANA INI AKAN MENINGKATKAN PROFAIL UNIVERSITI.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

AKTIVITI PENYELIDIKAN TELAH BERMULA PADA TAHUN 2003 DENGAN GERAN JANGKA PENDEK DIBERI OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) SEBANYAK RM500,000. PADA TAHUN 2004, KPT TIDAK MEMBERI GERAN TETAPI UNIVERSITI SENDIRI MEMBERI RM1.5 JUTA. JUMLAH PROJEK YANG MENDAPAT GERAN DALAM TEMPOH 3 TAHUN TERSEBUT MELEBIHI 135 SEMUANYA. DI SAMPING ITU PADA TAHUN 2005, 2 PROJEK PENYELIDIKAN MENDAPAT GERAN IRPA BERJUMLAH RM748,000.

KITA JUGA TELAH MEMENANGI BEBERAPA HADIAH PADA PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA. SASARAN SETERUSNYA ADALAH UNTUK MENINGKATKAN PEROLEHAN GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PANJANG DAN JUGA UNTUK MEMENANGI BANYAK HADIAH DAN PINGAT DI PAMERAN PERINGKAT ANTARABANGSA. UNIVERSITI TELAH MEMBERI KELULUSAN KEPADA UNIC UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PAMERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA DI GENEVA DENGAN HARAPAN TINGGI BEBERAPA PROJEK AKAN MEMENANGI PINGAT. DENGAN ITU UNIVERSITI DAPAT MENINGKATKAN 'RESEARCH PROFILE' DAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN MEMPUNYAI KUALITI BERTARAF ANTARABANGSA.

NICHE AREA

BIDANG TERAS ATAU PUN 'NICHE AREA' YANG AKAN DITUMPUKAN DI KUTKM ADALAH DALAM BIDANG PEMBUATAN TERMAJU. INI MERANGKUMI SEGALA PROGRAM YANG MENJADI SOKONGAN KEPADA PEMBUATAN TERMAJU TERMASUKLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK, ELEKTRONIK, KOMPUTER, MEKANIKAL, PEMBUATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT. JUSTERU ITU, SEGALA PROGRAM AKADEMIK, AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA HENDAKLAH MENYOKONG USAHA KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM 'NICHE AREA' YANG DIPILIH.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, AMC DAN ITC DALAM BENTUK LENGKAP AKAN MENJADI TERAS KEPADA KEMAJUAN UNIVERSITI DALAM BIDANG YANG DIFOKUS. PROJEK PENYELIDIKAN JUGA MESTI FOKUS KEPADA 'NICHE AREA' YANG DIPILIH. INI

BERMAKNA KITA HANYA AKAN MEMBERI GERAN PENYELIDIKAN KEPADA PROJEK YANG BERKAIT DENGAN BIDANG FOKUS SAHAJA DAN TIDAK KEPADA PROJEK UMUM YANG LANGSUNG TIDAK BERKAIT.

KEUSAHAWANAN

SELARAS DENGAN ASPIRASI NEGARA, UNIVERSITI MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA PELAJAR. UNTUK ITU, INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK) TELAH DITUBUHKAN.

IPTK TELAH MERANCANG UNTUK MENUBUHKAN PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOUSAHAWAN. DIHARAP PENUBUHAN PUSAT INI DAPAT DISEGERAKAN KERANA IA AKAN MENINGKATKAN PROGRAM LATIHAN UNTUK MEMBANGUNKAN

BAKAL USAHAWAN KHUSUS DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN AKAN TERLIBAT JUGA DALAM PEMBANGUNAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN YANG BOLEH DIKOMERSIALKAN.

MATAPELAJARAN KEUSAHAWANAN ADA DIMASUKKAN KE DALAM KURIKULUM SEKARANG TETAPI DIDAPATI TIDAK MENCUKUPI. LATIHAN BERKALA BAGI PELAJAR TELAH PUN DIMULAKAN DAN AKAN DIPERTINGKATKAN PADA TAHUN INI DENGAN SOKONGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI. IPTK AKAN BEKERJASAMA DENGAN PEJABAT HEP DALAM MENGANJURKAN PROGRAM LATIHAN TERSEBUT. PEJABAT HEP AKAN MENYELARASKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR.

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN PERLU DIMANTAPKAN DALAM KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK. MAJLIS DEKAN-DEKAN MERUPAKAN FORUM TERBAIK MEMBINCANG BAGAIMANA PERKARA INI BOLEH DILAKUKAN UMPAMANYA DALAM BENTUK PROGRAM 'MINOR' ATAU SIJIL KEMAHIRAN. PROGRAM DAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN PENTING UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN PENGANGGURAN DI KALANGAN SISWAZAH DAN MENINGKATKAN EKONOMI NEGARA.

KERJASAMA UNIVERSITI INDUSTRI

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MENGAMALKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN, KEJAYAAN PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA ERAT ANTARA UNIVERSITI DENGAN INDUSTRI. KITA MENGGUNA STRATEGI

PERKONGSIAN PINTAR SUPAYA KEDUA BELAH PIHAK MENDAPAT MANFAAT DAN DENGAN ITU AKAN KEKAL BERTERUSAN.

UNIVERSITI ADA MENCADANGKAN PENUBUHAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI (INDUSTRIAL ADVISORY PANEL) DENGAN KEAGGOTAANNYA TERDIRI DARIPADA PAKAR INDUSTRI DALAM DAN LUAR NEGARA YANG AKAN MEMBERI NASIHAT KEPADA UNIVERSITI DALAM HAL MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DAN SOKONGAN INDUSTRI DAN MELAKSANAKAN PROGRAM YANG RELEVAN DAN MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI. BAGAIMANA PUN, CADANGAN TERSEBUT PERLU DIHALUSI UNTUK MENDAPAT KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI.

KITA TELAH MEMPUNYAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN BEBERAPA SYARIKAT IAITU SOLIDWORKS, CUBIC

ELECTRONICS, DRB-HICOM, CTRM, MAYA ARTIFICIAL INTELLIGENCE, MRJ, ROBOMATICS, KRU DAN DTEX. SETIAP PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MoU MASING-MASING PERLU BERUSAHA LEBIH GIGIH MENINGKATKAN AKTIVITI KERJASAMA DAN DIMINTA MENYEDIAKAN LAPORAN KEMAJUAN SETIAP ENAM BULAN SEKALI BAGI TUJUAN PEMANTAUAN. INI BAGI MENGOPTIMUMKAN PELUANG DAN MENGELAKKAN BERLAKUNYA PEMBAZIRAN DARI SEGI SUMBER YANG ADA PADA KITA.

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SETIAP FAKULTI DAN PUSAT YANG BERKAITAN UNTUK MENGENAL PASTI PROJEK-PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG SESUAI UNTUK DILAKSANAKAN BERSAMA INDUSTRI.

PADA UMUMNYA, KERJASAMA DENGAN INDUSTRI MESTILAH DITINGKATKAN SECARA BERTERUSAN

DARI MASA KE SEMASA. SEBAGAI CONTOH UNIVERSITI TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DENGAN CTRM DALAM PENYELIDIKAN 'LEAN MANUFACTURING' DAN PROGRAM EXTENDED INTERNSHIP BAGI PELAJAR KUTKM. PADA TAHUN INI KITA AKAN MELUASKAN LAGI RANGKAIAN RAKAN INDUSTRI UNIVERSITI DENGAN MENANDATANGANI MoU DENGAN BEBERAPA SYARIKAT LAGI.

SKIM 'ADJUNCT PROFESSOR' TELAH PUN DILULUSKAN DAN BOLEH MULA DILAKSANAKAN DENGAN MELANTIK PAKAR DARI INDUSTRI KHUSUSNYA MENYUMBANG PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, KEPAKARAN DAN PENGALAMAN CONTOHNYA DENGAN MENGAJAR MODUL MATA PELAJARAN YANG BERAT KEPADA AMALAN INDUSTRI. INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMINDAHKAN KEPAKARAN MEREKA DARIPADA

INDUSTRI BUKAN SAHAJA KEPADA PELAJAR TETAPI JUGA KEPADA STAF.

PENGANTARABANGSAAN

SELARAS DENGAN HASRAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, UNIVERSITI AKAN BERGERAK MENINGKATKAN PENGANTARABANGSAAN. INI MENJADI SEMAKIN PENTING DALAM ERA GLOBALISASI DAN PERLU UNTUK MENCAPAI VISI UNIVERSITI MENJADI ANTARA YANG TERKEMUKA DI DUNIA.

PELAJAR ANTARABANGSA

KITA MESTILAH TERLEBIH DAHULU MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK MENINGKATKAN PENGANTARABANGSAAN TERUTAMANYA DARI SEGI PENGAMBILAN PELAJAR. UNIVERSITI DIBENARKAN MENGAMBIL 5% PELAJAR ANTARABANGSA BAGI PROGRAM SARJANA MUDA

MANAKALA TIADA HAD BILANGAN PELAJAR ANTARABANGSA BAGI PROGRAM PASCA SISWAZAH. DALAM PERKARA INI, DISARANKAN KITA MENAWARKAN PROGRAM SARJANA SECARA KURSUS UNTUK MENARIK RAMAI PELAJAR TERSEBUT.

SEHUBUNGAN DENGAN INI IPTK TELAH MENGORAK LANGKAH PERTAMA DENGAN MENAWARKAN KURSUS MBA DALAM BIDANG PENGURUSAN TEKNOLOGI, MANAKALA FKP TELAH DIBERI TUGAS MELAKSANAKAN PROGRAM MSc ENGINEERING BUSINESS MANAGEMENT DAN MANUFACTURING ENGINEERING DENGAN KERJASAMA COVENTRY UNIVERSITY.

UNIVERSITI AKAN MENUBUHKAN SATU JAWATANKUASA YANG AKAN BERTANGGUNGJAWAB MERANCANG DAN MELAKSANAKAN AKTIVITI MEMPROMOSI PROGRAM

PENGAJIAN PASCA SISWAZAH UNTUK MENARIK PELAJAR ANTARABANGSA.

STAF ANTARABANGSA

UNIVERSITI MELETAK SASARAN BILANGAN STAF KONTRAK ANTARABANGSA SERAMAI 10% DAN AKAN MENINGKATKAN USAHA UNTUK MENCAPAI SASARAN TERSEBUT. PADA TAHUN INI KITA AKAN MEMBUAT PENGAMBILAN DI NEGARA INDONESIA, PAKISTAN DAN TURKI.

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR SERING DISEBUT SEBAGAI SALAH SATU USAHA PENGANTARABANGSAAN YANG MEMBERI PENDEDAHAN BERFAEDAH KEPADA PELAJAR.

BAGAIMANA PUN KAJIAN TERPERINCI PERLU DIBUAT UNTUK MENENTUKAN PROGRAM TERSEBUT BERJAYA MENCAPAI MATLAMAT. PERTUKARAN MELIBATKAN PENGAJIAN DALAM TEMPOH SATU SEMESTER DENGAN PERPINDAHAN KREDIT TIDAK MUNGKIN DAPAT DILAKSANAKAN DALAM MASA TERDEKAT. BAGAIMANAPUN KITA TELAH MENCADANGKAN KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI LUAR NEGARA DALAM RANGKAIAN KERJASAMA DENGAN KITA MELAKSANAKAN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR DALAM LATIHAN INDUSTRI. CADANGAN INI MENDAPAT PERHATIAN DAN SEDANG DIKAJI.

LAIN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR YANG SESUAI DILAKSANAKAN TERMASUKLAH PROGRAM BELAJAR BAHASA ASING DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR YANG MELIBATKAN SEKUMPULAN KECIL PELAJAR. PADA BULAN APRIL 2005, KITA TELAH MENGHANTAR 13 ORANG PELAJAR MEMBUAT

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELBOURNE, AUSTRALIA HASIL MoU DENGAN RMIT UNIVERSITI. PADA TAHUN INI, UNIVERSITI BERCADANG MENGHANTAR BEBERAPA KUMPULAN PELAJAR MEMBUAT LAWATAN KE LUAR NEGARA DI BAWAH PROGRAM PENGANTARABANGSAAN.

KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK PERLU MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN PENGANTARABANGSAAN UMPAMANYA INTERNATIONAL FINANCE, BUSINESS, CULTURE AND POLITICS.

USAHA KE ARAH PENGANTARABANGSAAN SEBENARNYA BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI AKADEMIK KEPADA TAHAP ANTARABANGSA SUPAYA UNIVERSITI BOLEH MENARIK KEMASUKAN PELAJAR CEMERLANG DARI DALAM MAHUPUN LUAR NEGARA. UNTUK MEMBANTU USAHA TERSEBUT KITA PERLU

MENJALINKAN HUBUNGAN DENGAN BEBERAPA UNIVERSITI TERKEMUKA DI DUNIA. SETAKAT INI KITA TELAH MEMPUNYAI MoU DENGAN :-

- COVENTRY UNIVERSITY
- TECHNICAL UNIVERSITY BERLIN
- RMIT UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF SOUTH AUSTRALIA

PADA TAHUN 2006 KITA MERANCANG MENANDATANGANI MoU DENGAN SHEFFIELD UNIVERSITY. DI SAMPING ITU KITA JUGA BERUSAHA MENGADAKAN MoU ANTARA RANGKAIAN KOLEJ-KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (KUITTHO, KUTKM, KUKTEM, KUKUM) DENGAN AUSTRALIA TECHNOLOGY NETWORK (ATN) DAN JUGA RAJAMANGALA UNIVERSITIES OF TECHNOLOGY THAILAND.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TELAH MENUBUHKAN MALAYSIA JAPAN UNIVERSITY

CENTRE (MJUC) DAN KITA BOLEH MENGGUNA PERKHIDMATAN PUSAT INI UNTUK MENJALIN HUBUNGAN DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI DI JEPUN.

PENGURUSAN

KITA TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN DENGAN PENGGUNAAN ICT. PENGGUNAAN KAD PINTAR (SMART CARD) SUDAH DILAKSANAKAN BAGI PELAJAR DAN AKAN MERANGKUMI STAF DALAM MASA TERDEKAT. PUSAT KOMPUTER BOLEH MENGAJI PENGGUNAAN KAD PINTAR SECARA KREATIF MELIPUTI PELBAGAI FUNGSI.

SELAIN DARIPADA ITU, DALAM USAHA KITA BERGERAK KE ARAH PENGGUNAAN TEKNOLOGI ICT SECARA LEBIH MELUAS LAGI, SISTEM PENGURUSAN UNIVERSITI BERTERASKAN

ELEKTRONIK PERLU DITINGKATKAN. INI AKAN MENINGKATKAN LAGI KUALITI PENGURUSAN DI SAMPING MENGELAKKAN PEMBAZIRAN KERANA MENGGUNAKAN TERLALU BANYAK KERTAS SERTA MENJIMATKAN BANYAK RUANG YANG DIGUNAKAN UNTUK MENYIMPAN FAIL DAN DOKUMEN.

KITA TELAH MENGORAK LANGKAH DENGAN MENGADAKAN E-MESYUARAT TETAPI HENDAKLAH DITERUSKAN DAN DIPERTINGKATKAN SERTA DIPERLUASKAN SEHINGGA MERANGKUMI SEMUA MESYUARAT DAN SEMUA ASPEK PENGURUSAN.

ISU PENTING YANG AKAN MENCORAKKAN SISTEM PENGURUSAN UNIVERSITI PADA TAHUN HADAPAN TERMASUKLAH KUALITI KERJA, KEUTUHAN PENGURUSAN, INTEGRITI, MAJLIS BERSAMA JABATAN, DAN KEPUASAN PELANGGAN.

BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI PENGURUSAN UNIVERSITI SEIRING DENGAN HASRAT KERAJAAN DALAM MEWUJUDKAN PENTADBIRAN AWAM YANG BERINTEGRITI, MAKA SATU JAWATANKUASA INTEGRITI PERINGKAT KUTKM TELAH DIBENTUK. DI BAWAH JAWATAN KUASA INDUK DITUBUHKAN PULA ENAM JAWATAN KUASA TEKNIKAL YANG MASING-MASING DIKETUAI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI UNIVERSITI YANG AKAN MULA BERGERAK MERANCANG LANGKAH DAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL OLEH UNIVERSITI KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI PENGURUSAN.

SAYA BERHARAP AGAR DENGAN WUJUDNYA JAWATAN KUASA-JAWATAN KUASA INI AKAN MAMPU MEMBUDAYAKAN NILAI-NILAI MURNI DAN BAIK DALAM DIRI SETIAP WARGA KUTKM SUPAYA MEREKA MENJADI STAF YANG JUJUR, AMANAH, IKHLAS DAN BERTANGGUNGJAWAB.

KUALITI DAN AKREDITASI

SIJIL MS ISO

UNIVERSITI TELAH BERJAYA MENDAPAT SIJIL MS ISO 9001 : 2000 DALAM SKOP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA 24 FEBRUARI 2005. PENAMBAHBAIKAN PERLU DIBUAT SECARA BERTERUSAN SUPAYA PEMILIKAN SIJIL TERSEBUT KEKAL IAITU TIDAK DITARIK BALIK KERANA PEMANTAUAN AKAN DIBUAT PADA SETIAP TAHUN. UNIVERSITI JUGA TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MELUASKAN PENSIJILAN KEPADA SKOP PENGAJIAN PASCA SISWAZAH. DIJANGKA UNIVERSITI AKAN DIANUGERAHKAN SIJIL TERSEBUT DALAM SKOP INI PADA TAHUN 2006.

AUDIT DALAMAN MENUNJUKKAN BEBERAPA AMALAN YANG TIDAK AKUR KEPADA SISTEM KUALITI DAN YANG BOLEH DIBUAT PENAMBAHBAIKAN. SEMUA PTJ PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKARA YANG DINYATAKAN

SUPAYA TIDAK LAGI TIMBUL APABILA PIHAK SIRIM DATANG MEMBUAT PEMERIKSAAN.

AKREDITASI

SEMUA PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN PERLU MENDAPAT AKREDITASI DARI JPA. PADA TAHUN 2005, SEMUA PROGRAM AKADEMIK YANG DIKUTI OLEH KUMPULAN PELAJAR YANG PERTAMA TAMAT PENGAJIAN TELAH MENDAPAT AKREDITASI JPA IAITU DIPLOMA DAN SARJANA MUDA DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SAINS KOMPUTER, DAN DIPLOMA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN. DI SAMPING ITU, 2 PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN TELAH JUGA MENDAPAT AKREDITASI ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL, IAITU KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA INDUSTRI) DAN KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI).

PROSES MENDAPAT AKREDITASI BAGI PROGRAM YANG BELUM MENDAPATNYA AKAN DITERUSKAN MENGIKUT JADUAL YANG DITETAPKAN. HARUS DIINGATKAN AKREDITASI SESUATU PROGRAM LAZIMNYA ADALAH UNTUK TEMPOH MAKSIMUM 5 TAHUN SEBELUM PENILAIAN SEMULA DIBUAT. DENGAN ITU, UNIVERSITI PERLU SENTIASA MENGAWASI KUALITI SUPAYA BERADA PADA TAHAP TERTINGGI.

DENGAN MENAWARKAN PROGRAM DAN MELAHIRKAN GRADUAN YANG RELEVAN DAN MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI, UNIVERSITI BERHARAP TIADA MASALAH PENGANGGURAN SISWAZAH. MAJORITI GRADUAT KUTKM TELAH BERJAYA MENDAPAT PEKERJAAN DAN HANYA SEGELINTIR SAHAJA BELUM MENDAPAT APA-APA PEKERJAAN.

PENARAFAN UNIVERSITI

LAMBAT LAUN PROSES MEMBERI KEDUDUKAN ATAU 'RANKING' KEPADA UNIVERSITI AKAN DILAKSANAKAN HASIL DESAKAN MASYARAKAT UMUM. KITA JUGA SEDIA MAKLUM SENARAI UNIVERSITI TERBAIK DI DUNIA YANG DIBUAT OLEH TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT SETIAP TAHUN.

KUTKM PERLU MEMBUAT KAJIAN DAN MERANCANG BAGAIMANA BOLEH MENJALANKAN USAHA UNTUK MENENTUKAN PENARAFAN DAN KEDUDUKAN UNIVERSITI AKAN BERADA PADA TAHAP YANG BAIK.

HAL EHWAL PELAJAR

PELAJAR MERUPAKAN PRODUK YANG DIANUGERAHKAN OLEH UNIVERSITI KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. BAIK ATAU BURUKNYA

PRODUK TERSEBUT BANYAK BERGANTUNG KEPADA BAGAIMANA IA DIZAHIRKAN.

MELALUI PEJABAT HEP DAN DENGAN KERJASAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP), UNIVERSITI MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR. SKOP PROGRAM MELIPUTI BUKAN SAHAJA ASPEK AKADEMIK TETAPI JUGA SAHSIAH DAN JATI DIRI, KEPIMPINAN, PENGURUSAN, KOMUNIKASI DAN SEBAGAINYA YANG TIDAK DILAKSANAKAN DALAM KELAS FORMAL.

ANTARA SALURAN YANG BOLEH DIBUKA KEPADA PELAJAR UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN JATI DIRI ADALAH MELALUI AKTIVITI PERSATUAN-PERSATUAN DAN KELAB-KELAB PELAJAR YANG DITUBUHKAN. AKTIVITI KOKURIKULUM PULA BOLEH MELENGKAPKAN USAHA INI. UNIVERSITI PERLU MEMBANTU MENENTUKAN GRADUAN MENDAPAT

PEKERJAAN. ANTARA PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN ADALAH PENGANJURAN PESTA KERJAYA DI MANA BAKAL-BAKAL MAJIKAN DARI INDUSTRI DIJEMPUT UNTUK MENYAMPAIKAN CERAMAH TENTANG PROSPEK KERJAYA DALAM BIDANG-BIDANG BERKAITAN. DI SAMPING ITU, TEMUDUGA SECARA TERBUKA JUGA BOLEH DILAKUKAN.

DAN SEBAGAI PELANGGAN UNIVERSITI YANG PALING UTAMA, KEBAJIKAN PARA PELAJAR HARUS MENJADI KEUTAMAAN UNIVERSITI. OLEH ITU, SEGALA KEMUDAHAN SEPERTI BILIK KULIAH, PENGINAPAN, PENGANGKUTAN, KAFETERIA, PERUBATAN, SUKAN DAN REKREASI DAN YANG BERKAITAN MESTI DIPASTIKAN ADA PADA TAHAP TERBAIK.

SEJAJAR DENGAN KEDUDUKAN KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL JUGA, KEMUDAHAN

ICT SEHARUSNYA YANG TERBAIK BOLEH KITA BERIKAN SUPAYA MEREKA DAPAT MENGOPTIMUMKAN KEGUNAANNYA BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN.

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MEMPUNYAI PERANAN MENGGERAKKAN PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI PELAJAR UNTUK MEMBANTU UNIVERSITI MELAHIRKAN GRADUAN YANG BUKAN SAHAJA CEMERLANG DALAM AKADEMIK TETAPI JUGA MEMILIKI SAHSIAH MURNI, JATI DIRI MULIA DAN PADA KESELURUHANNYA MENJADI ASET BERNILAI TINGGI KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA, IAITU DAPAT MEMBUAT SUMBANGAN POSITIF KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN.

UNIT ALUMNI TELAH DITUBUHKAN DI BAWAH HEP DAN PADA TAHUN INI WAJAR MENGORAK LANGKAH MENJALIN HUBUNGAN ERAT ANTARA GRADUAT DAN UNIVERSITI. ALUMNI BOLEH MEMAINKAN

BANYAK PERANAN UNTUK MEMBANTU PEMBANGUNAN UNIVERSITI. KEJAYAAN ALUMNI DALAM KERJAYA MASING-MASING AKAN MENAIKKAN IMEJ UNIVERSITI DI KACAMATA MASYARAKAT DI SAMPING MEMBERI DORONGAN KEPADA PELAJAR MENINGKATKAN USAHA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN.

PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI

SEBAGAI PERMULAAN UNIVERSITI TELAH MENUBUHKAN JAWATANKUASA PELABURAN UNTUK MENYELARASKAN SEGALA AKTIVITI PELABURAN YANG BOLEH MENDATANGKAN HASIL. SETERUSNYA UNIVERSITI JUGA TELAH MENYEDIAKAN KERTAS KERJA CADANGAN PENUBUHAN KUTKM HOLDINGS SEBAGAI SYARIKAT YANG AKAN MENGURUSKAN AKTIVITI PELABURAN. KERTAS KERJA TERSEBUT SEDANG DALAM PERTIMBANGAN KPT UNTUK DIBERI KELULUSAN.

KITA AKAN BOLEH BERGERAK UNTUK MENJANA PENDAPATAN SENDIRI SEBAIK SAHAJA PENUBUHAN KUTKM HOLDINGS DILULUSKAN. PELABURAN UNTUK MENJANA PENDAPATAN SENDIRI PERLU DIRANCANG DAN DIURUS DENGAN CEKAP DAN BIJAK SUPAYA MENGHASILKAN KEUNTUNGAN DAN BUKAN KERUGIAN KEPADA UNIVERSITI.

ANTARA AKTIVITI YANG BOLEH DILAKSANAKAN TERMASUKLAH PEMBUATAN KOMPONEN KEJITUAN TINGGI, PROGRAM AKADEMIK EKSEKUTIF PELBAGAI PERINGKAT, DAN JUGA PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN DI BAWAH PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT.

SATU LAGI PROSPEK PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI YANG WAJAR DIBERI TUMPUAN ADALAH PENGKOMERSILAN PRODUK HASIL AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN. PARA

PENYELIDIK UNIVERSITI DISARANKAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA ASPEK INOVASI DAN PENGKOMERSILAN KERANA BOLEH MENJADI SUMBER PENDAPATAN LUMAYAN KEPADA MEREKA DAN JUGA UNIVERSITI.

PENUTUP

PELAN STRATEGIK MENGGARISKAN SASARAN YANG PERLU DICAPAI DALAM TEMPOH ANTARA 2006-2010 UNTUK MENEMPA KECEMERLANGAN DAN MENUJU KE ARAH MEREALISASIKAN VISI UNIVERSITI. SETIAP PTJ HENDAKLAH MENYEDIAKAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) YANG BERPANDUKAN PELAN STRATEGIK YANG TELAH DIGUBAL DAN SETERUSNYA MENTERJEMAHKAN TINDAKAN DALAM BENTUK PROGRAM DAN AKTIVITI YANG AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2006.

PEMBANGUNAN KUTKM KINI BERADA DI PERINGKAT PENTING MEMERLUKAN TUMPUAN FOKUS SEPENUHNYA DARI SETIAP STAF. KITA TIDAK MAMPU DIPESONG OLEH ISU REMEH DAN TIDAK RELEVAN YANG SENGAJA DIBESARKAN KERANA AKAN MEMBANTUT USAHA MEMBANGUNKAN UNIVERSITI. UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN SEMUA STAF MESTI MENGGEMBELING TENAGA, BERSATU PADU, BEKERJASAMA ANTARA SATU DAN LAIN DALAM SATU PASUKAN, SERTA BERUSAHA SEDAYA UPAYA MENGELAKKAN BERLAKUNYA KONFLIK ANTARA SAMA SENDIRI. SUASANA KERJA YANG HARMONI MENYUMBANG KEPADA KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL DENGAN MERINGANKAN TEKANAN YANG DIHADAPI.

SEKIAN, TERIMA KASIH, WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.